

MAHATHIR-PERHIMPUNAN

1984

KUALA LUMPUR, 7 JAN. (BERNAMA)--DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBIARKAN SESIAPA SAJA YANG CUBA MENJATUNKAN KERAJAAN MELALUI CARA DI LUAR UNDANG-UNDANG.

BERUCAP DI HADAPAN RIBUAN RAKYAT DI STADIUM JALAN RAJAMUDA SEMENA LAWATANNYA KE WILAYAH PERSEKUTUAN BELIAU BERKATA HANYA RAKYAT YANG BOLEH MENURUNKAN KERAJAAN SEKARANG MENGIKUT UNDANG-UNDANG YANG ADA DI NEGARA PNL.

+TETAPI JIKA ADA SESIAPA YANG CUBA MERUNTUHKAN KERAJAAN DENGAN CARA YANG TERKELUAR DARI UNDANG-UNDANG KITA TIDAK AKAN MEMBIARKAN MEREKA; KITA AKAN GANYANG MEREKA;+ KATANYA DISAMBUK SORAKAN DAN TEPUKAN GEMURUH.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBALIKNYA JIKA RAKYAT TIDAK LAGI MENGHENDAKI KERAJAAN SEKARANG MEMERENTAH; MEREKA BOLEHLAH MENURUNKAN KERAJAAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK TERMASUK PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN YANG TELAH MEMBERI SOKONGAN KEPADA KERAJAAN SEHINGGA MEMBOLEHKAN MASALAH PINDAAN PERLEMBAGAAN DISELESAIKAN.

+SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN BERIKRAR DI PERHIMPUNAN INI UNTUK BERKHIDMAT SEDAYA UPAYA UNTUK KEPENTINGAN MEREKA.+

- LAGI 1939/PA

MAHATHIR-PERHIMPUNAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH DENGAN ADANYA SOKONGAN TERUS DARIPADA RAKYAT KERAJAAN BERAZAM MENERUSI PEMERINTAHAN YANG ADIL UNTUK BEKERJA LEBIH KERAS BAGI FAEDAH DAN KEMAJUAN RAKYAT.

KATANYA APA YANG PENTING SEKARANG IALAH RAKYAT JUGA HARUS SANGGUP BERKORBAN DALAM USAHA MENANAM SIKAP BERDISIPLIN, RAJIN BEKERJA, SEDIA MENAMBAHKAN KEMAHIRAN DAN BERSATU PADU.

TAMBAHNYA, SEMUA INI ADALAH PENTING BAGI MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PERUBAHAN KEADAAN YANG PESAT BERLAKU.

BELIAU BERKATA PENGORBANAN RAKYAT UNTUK BERSABAR SELAMA KIRA-KIRA TIGA TAHUN KEBELAKANGAN INI DENGAN KEADAAN KEMELESETAN EKONOMI SEHINGGA NEGARA DAPAT MENGHADAPI KEADAAN ITU MENJADI BUKTI PENTINGNYA PENGORBANAN.

KATANYA HARI INI SATU PETANDA BAIK TELAH MUNCIL IAITU HARGA MINYAK KELAPA SAWIT TELAH NAIK DARIPADA \$800 KEPADA \$1,930 SATU TAN.

TAMBAHNYA KENAIKAN INI SEBENARNYA MENGUNTUNGGAN RAKYAT KERANA SEGALA CUKAI YANG DIKENAKAN BAGI EKSPORT BAHAN ITU AKAN DIBELANJAKAN UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PADA KERAJAAN ITULAH SAJA HASRATNYA IAITU MENGGUNAKAN SEGALA PERUNTUKAN YANG BERTAMBAH UNTUK MENOLONG RAKYAT DENGAN LEBIH BERKESAN. -- LAGI 1930/SA MAHATHIR-PERHIMPUNAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU ATAUPUN KERAJAAN TIDAK TAMAKKAN KUASA ATAU INGIN MEREBUT KUASA SECARA HARAM DENGAN MEMINDA PERLEMBAGAAN SEPERTI YANG DIDAKWA OLEH SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN.

KATANYA INI JELAS TERBUKTI DENGAN KESANGGUPAN KERAJAAN BERJANJI UNTUK MEMBUAT BEBERAPA PERUBAHAN KEPADA PINDAAN PERLEMBAGAAN WALAUPUN TELAH DILULUSKAN.

TAMBAHNYA, APABILA PERUBAHAN-PERUBAHAN KEPADA PINDAAN ITU DIBAWA KE PARLINEN ISNIN INI TIDAK ADA LAGI PIHAK YANG BOLEH MENUDUH KERAJAAN MENGENEPIKAN MANA-MANA PIHAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN KERAJAAN MENGATASI MASALAH PINDAAN PERLEMBAGAAN BARU-BARU INI DISELESAIKAN SECARA MALAYSIA.

"KITA TIDAK PEDULI APA ORANG LAIN KATA MENGENAI PENYELESAIAN ITU," KATANYA.

BELIAU BERKATA SUNGGUHPUN PINDAAN YANG AKAN DIBUAT TIDAK BANYAK BEZANYA DENGAN PINDAAN YANG DILULUSKAN, KERAJAAN SEDIA MENGEMUKAKAN PINDAAN ITU KERANA MENGHORMATI KEHENDAK PIHAK BERKENAAN.

"INI MENUNJUKKAN KERAJAAN DAN RAKYAT SANGGUP BERTOLAK ANSUR. TETAPI AKHIRNYA SATU YANG TIDAK BOLEH BERTOLAK ANSUR IALAH KUASA RAKYAT MENENTUKAN NASIB RAKYAT," TAMBAHNYA.

-- LAGI 2027/LK

ICZC B619:

MAHATHIR-PERHIMPUNAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHAWA PINDAAN TERSEBUT ADALAH SEMATA-MATA UNTUK MEMPERJELASKAN LAGI KUASA YANG ADA PADA RAKYAT DI BAWAH PERLEMBAGAAN NEGARA DI BAWAH SISTEM DEMOKRASI BERPARLINEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN.

KATANYA, PINDAAN ITU TIDAK SEKALI-KALI BERTUJUAN MENGAMBIL KUASA RAJA-RAJA MELAYU KERANA SEMEMANGNYA DI PERINGKAT ITU SUDAH TERMAKTUB DALAM PERLEMBAGAAN YANG ADA.

-- BERBANA 2028/LK